



Australian Government

Department of Infrastructure, Transport,
Regional Development, Communications and the Arts



Community Bulletin INDIAN OCEAN TERRITORIES

Ujian 'Blackstart' Pulau Krismas - gangguan elektrik terancang

Nombor: D10/24

Tarikh: 27 Mei 2024

Relevan: Penduduk dan Pelawat Pulau Krismas

Topik: Gangguan bekalan elektrik terancang di seluruh pulau (4pg hingga 8pg, Sabtu 8 Jun 2024)

Indian Ocean Territories Power Service (IOTPS) akan mengadakan ujian terancang untuk menguji keupayaan tindak balas kerosakannya (dikenali sebagai ujian 'Blackstart') di Pulau Krismas, pada awal pagi Sabtu, 8 Jun.

Ini bermakna untuk tempoh singkat antara jam 4 pagi hingga 8 pagi pada hari Sabtu 8 Jun, bekalan kuasa elektrik kepada semua pelanggan IOTPS Pulau Krismas akan dimatikan. Ujian ini perlu dijalankan untuk memastikan bahawa sekiranya berlaku gangguan bekalan elektrik tidak dirancang yang menjelaskan Stesen Janakuasa Pulau Krismas, prosedur tindak balas kami untuk memulihkan semula sistem kuasa elektrik akan berfungsi seperti yang dijangkakan.

Penjadualan gangguan bekalan elektrik tersebut telah dirancang untuk mengurangkan gangguan kepada pengguna dan mengimbangi keperluan operasi IOTPS.

Tolong elakkan daripada menghubungi nombor kecemasan IOTPS sepanjang tempoh yang dijadualkan ini (termasuk kemungkinan kecil bahawa pemulihan kuasa tidak berlaku sebelum jam 8 pagi), kecuali jika terdapat kecemasan berkaitan kuasa yang tulen, seperti kejadian kejutan elektrik, atau kuasa elektrik di rumah anda belum dipulihkan selepas rumah jiran-jiran telah dipulihkan.

Para pelanggan dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah berikut:

- Sebelum gangguan bekalan elektrik berlaku, matikan peralatan sensitif seperti alat elektronik, komputer peribadi, TV pintar, pengecas komputer riba dan pengecas telefon bimbit pada soket.
- Selepas bekalan elektrik kembali pulih, pastikan semua peralatan telah kembali berfungsi, contohnya peti sejuk dan peti beku dan sebagainya.

Adam Stankevicius, Penolong Setiausaha, Cawangan Wilayah Lautan Hindi